



Buletin Ivory

KKTM SRI GADING | EDISI 1|2024

TAHNIAH 10 PENERIMA
**ANUGERAH
PERKHIDMATAN
CEMERLANG**

Tahun 2023

KKTMSG LAYAK KE UJIAN
SARINGAN KELAYAKAN
**WORLDSKILL
MALAYSIA BELIA
KE LYON FRANCE**

PROGRAM BOWLING
YOUTH ANTI DRUGS
**PELAJAR KKTMSG
MENANG BERGAYA**

**KKTM SRI GADING
UNGGULI**

E-USAHAWAN BEST



TVET
LECTURER



0 23563 84926

54

2



25

Didik anak solat dan wudhu dalam
Program SuperMuslim
Kids Camp



3



21

Alumni DTH Tabur Jasa
Seperi ikan pulang ke lubuk



33

Empat jentera berentap dalam
STAR'24 KKT M Sri Gading

Sekalung

Tahniah

kepada
penerima

ANUGERAH PEKERJA TERBAIK BULANAN

>>> *Januari*



HANNA HAYZALINA BINTI ZAINAL



MAZNI BINTI AWANG



MOHD ISZATUL BIN SALLEH



HELMI BIN MOHAMAD



Ts. ZAHARAH BINTI MAMAT



NORIZAH BINTI YUSOF

Februari <<<



Program Pertemuan Tautan Kasih DTF bagi sesi Januari-Jun 2024 telah diadakan pada 4 Januari 2024 di Dewan Teater A.

Program yang telah dihadiri oleh semua pensyarah dan juruteknik serta para pelajar Jabatan DTF ini telah menjadi satu program rasmi pada setiap semester.

Antara intipati program yang telah dilaksanakan dalam program ini ialah sesi suai kenal antara pelajar baharu semester 1 dan pelajar kanan setiap pelajar baru akan perkenalkan diri masing-masing kepada semua untuk merapatkan lagi ukhwah di kalangan para pelajar.

Seterusnya sesi pelantikan ahli jawatankuasa pelajar DTF bagi sesi Jan-Jun 2024 juga telah berlangsung. Tahniah diucapkan kepada saudara Fakrul Naufal bin Adnan kerana telah dipilih untuk menjadi Presiden Pelajar DTF yang baru. Semoga dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Akhir sekali, amanat Ketua Program mengenai akademik, keputusan peperiksaan semester lepas, disiplin pelajar serta taklimat berkaitan OBE telah disampaikan oleh Ketua Program DTF, Ts. Mohd Shahrizan bin Asmawi.



ELEVATE 2024 : DTV Part 1

Selain sesi taaruf bersama pelajar semester satu, ianya juga diselitkan dengan beberapa acara penting tentang penerangan taklimat *Outcome Based Education* (OBE) yang disampaikan oleh penyelaras program dan juga pencapaian akademik sesi Julai-Disember 2023. Ianya sekaligus meraikan pelajar-pelajar DTV yang memperolehi CGPA 4.0 dan juga pelajar yang mendapat keputusan CGPA 3.50 ke atas.

Dengan adanya sesi ini, ianya dapat memberi manfaat kepada 134 orang pelajar DTV untuk meneruskan pengajian di kolej dengan lebih baik dan bersemangat.



Pada 7 Januari 2024, Jabatan DTV telah menganjurkan satu majlis yang dinamakan Elevate2024 : DTV Part 1. Majlis ini melibatkan pelajar baharu semester 1 iaitu seramai 20 orang dan juga pelajar kanan semester 2 hingga 5. Majlis ini juga melibatkan kesemua pensyarah program yang terdiri dari 11 orang termasuk Penyelaras Program DTV iaitu Encik Mohamad Baharin Bin Ahmed. Program ini merupakan acara setiap semester bagi meraikan kedatangan pelajar baharu jabatan.





MINGGU HALUAN SISWA

SESI JANUARI-JUN 2024

Bertempat di Dewan Darul Takzim, Batu Pahat, Johor telah berlangsungnya sesi pendaftaran pelajar baharu bagi semester 1, sesi Januari-Jun 2024.

Seramai 62 orang pelajar telah mendaftar mengikut program masing-masing. Sebanyak 7 program telah ditawarkan bagi Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan.

Minggu Haluan Siswa atau lebih dikenali MHS dianjurkan dan dikelolakan oleh Jawatankuasa Minggu Haluan Siswa dengan kerjasama Pembimbing Rakan Sebaya dan Majlis Perwakilan Pelajar.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif penyediaan pelajar untuk pengalaman pembelajaran yang berkualiti, minggu tersebut memberi tumpuan kepada pengenalan kepada budaya kampus, penekanan terhadap nilai-nilai etika serta pendedahan kepada kemudahan dan sokongan yang disediakan di peringkat institusi.

Aktiviti-aktiviti seperti sesi orientasi, pertemuan dengan warga akademik dan sesi pengenalan kemudahan-kemudahan kolej telah memberi peluang kepada pelajar baru untuk memperkuuhkan penghayatan terhadap norma-norma dan prosedur kolej, sambil merancang perjalanan akademik mereka dengan lebih matang.

Warga KKT M Sri Gading mengalu-alukan kehadiran kalian. Tahniah dan Selamat Belajar!



LAWATAN AKADEMIK DAN POTENSI KERJASAMA INDUSTRI TAMBAK SARI SDN BHD

Premix Plant di Kulai, Johor

DTH

Pada 31 Januari 2024, Jabatan DTH telah mengadakan lawatan akademik dan potensi kerjasama industri bersama Tambak Sari Sdn Bhd ke Premix Plant, Kulai Johor. Seramai 2 orang pensyarah, 2 orang pelajar DTH dan 5 orang staf Tambak Sari Sdn Bhd terlibat dalam lawatan ini.


Tujuan lawatan ini adalah untuk memberikan pendedahan dan persekitaran loji bancuhan asphalt serta mendapatkan bahan kajian pelajar Projek Tahun Akhir.

Objektif program adalah untuk mendapatkan bahan kajian Projek Tahun Akhir pelajar DTH dan meneroka potensi kerjasama serta jalinan industri antara KKTm Sri Gading dan Tambak Sari Sdn Bhd.

Pegawai Latihan Vokasional DTH dari KKTm Sri Gading yang terlibat dalam lawatan ini adalah Ts Azrul Bin Hassan dan Mohd Farhan Bin Sukaimy. Turut serta dalam lawatan ini adalah dua pelajar semester 4, DTH, iaitu Kamarol Bin Hasiron dan Putri Huzaile Binti Abdul Kadir. Daripada pihak Tambak Sari Sdn Bhd, pegawai yang turut serta adalah Muhamad Fauzan bin Md Dom @ Ab Aziz, Mohd Fadzil bin Ahmad, Mohamad Afizail bin Salleh, Mohd Hafiz bin Abu Samah, dan Mohd Naszlan bin Samsudin.

KHIDMAT MASYARAKAT

DTF MASJID KAMPUNG PARIT SIMIS SRI MEDAN



Khidmat masyarakat di Masjid Kampung Parit Simis Sri Medan telah dijalankan pada hari Rabu, 16 Januari 2024. Program khidmat masyarakat ini telah disertai oleh staf dan pelajar Jabatan Forensik Bangunan dan Penyelenggaraan (DTF).

Antara skop tugas mereka ialah:

- Menguji kekuatan struktur masjid seperti tiang, rasuk dan juga lantai dengan menggunakan kaedah Ujian Tanpa Musnah menggunakan alatan Rebound Hammer.
- Menguji kualiti konkrit pada struktur seperti tiang, rasuk dan juga lantai dengan menggunakan kaedah Ujian Tanpa Musnah menggunakan alatan Ultrasonic Pulse Velocity.

'EMAS TIDAK BAGUS?'

Oleh Norsyahidan Norsalbi
norsyahidan@mara.gov.my

"Emas tidak bagus?" Selalunya kita asyik bercerita baik pasal emas. Bagaimana pula jika kita dengar yang tidak baik tentang emas.

Ya, emas tidak bagus kalau diri anda sendiri tiada kecemasan dalam bentuk tunai. Bayangkan, jika tayar kereta pancit atau peti ais rosak, sesuaikah anda "tukarkan" dengan emas? Satu kerja pula nak pergi pajak gadai sebab emas sahaja sebagai sumber dana kecemasan.

Emas tidak bagus kalau anda sendiri selalu masuk pajak gadai. Ada saja yang tidak kena. Sikit-sikit pergi pajak. Hendak tebus emas pula garu kepala. Ini menunjukkan pengurusan kewangan anda masih belum bagus. Lain sekiranya selalu masuk pajak disebabkan pusingan modal berniaga.

Emas tidak bagus kalau anda terlalu mempunyai banyak emas sedangkan matawang tengah cantik sekarang. Lebih baik labur dalam sektor lain seperti unit trust, EPF. Keuntungan berganda berbanding emas. Contohnya, sebagai kes awal pandemik, emas baru mencanak naik. Apabila pandemik semakin berakhir, emas dilupakan dan ramai pelabur berubah arah seperti saham Pfizer, Tesla,



Gambar sekadar ilustrasi sahaja

Emas tidak bagus kalau asyik simpan 1 gram je emas tanpa penambahan. 1 gram belum cukup untuk menjadikan seseorang itu kaya. Cuba simpan 100 gram, untung lebih terasa bila berlaku kenaikan harga emas mendadak. Sudah tentu hasil banyak kalau simpanan emas pun banyak.

Emas tidak bagus kalau anda main pasaran emas atau saham emas. Emas lebih bagus disimpan secara fizikal. Sudah pasti halal bagi penyimpan emas fizikal ini. Jika simpanan emas dalam bentuk akaun emas, pastikan emas juga boleh dikeluarkan fizikalnya. Emas tidak sesuai kalau hendak untung dalam masa setahun dua tahun sahaja. Lebih baik simpan duit dalam ASB atau AHB sahaja. Sifat emas itu bersifat keuntungan dalam jangka masa yang panjang. Lima hingga sepuluh tahun baru kita boleh nampak perubahan harga emas.



Emas tidak bagus kalau anda sendiri cakap emas itu mahal walhal harga pasaran tengah rendah. Dahulu, nenek kita beli emas RM30/gram pun katanya sudah mahal. Billionaire ambil peluang pasaran ketika ini. Rata-rata orang pun sama, cakap emas ini mahal. Jarang sekali kita dengar orang cakap emas ini murah. Jadi, begitulah instrumen emas. Hendak melabur, lihatlah pada keadaan semasa juga. Apa kita boleh buat, konsisten sahaja dalam simpanan emas. Kita bukan pelabur 10 kilogram emas dapat untung besar.

Begitulah.

LAWATAN



Jejak Orang Asli Kangkar Senanggar

Pada 30 Januari 2024, satu lawatan akademik telah dilaksanakan oleh pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Forensik Bangunan) ke Perkampungan Orang Asli Kangkar Senanggar, Parit Sulong.

Pihak KKT M Sri Gading telah disantuni oleh Tok Batin Atan Lim, suku kaum Jakun Kangkar Senanggar. Keramahan belia telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada pelajar-pelajar.

Beliau tidak hanya menunjukkan keramahan yang luar biasa, tetapi juga berusaha untuk menyantuni dan memberikan persepsi yang berharga tentang kehidupan dan budaya setempat. Menariknya, peserta lawatan dipeluang untuk menggunakan peralatan sumpit yang sinonim dengan masyarakat peribumi.

Pengalaman ini akan menjadi kenangan berharga bagi semua yang terlibat dan

akan membina hubungan yang lebih erat antara kedua-dua pihak pada masa akan datang.

Melalui lawatan ini, pelajar dapat melihat bagaimana konsep-konsep teori diterapkan dalam konteks dunia sebenar.

Hal ini secara tidak langsung akan menggalakkan perkembangan keterampilan praktikal seperti pemerhatian, analisis dan penyelesaian masalah yang merupakan aspek penting dalam pembangunan profesional pelajar.



Galeri Parit Sulong

22 JANUARI 2024: Galeri Parit Sulong menjadi saksi kunjungan bersejarah daripada 11 orang pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Jalanraya & Pengangkutan) yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia.

Lawatan ke Galeri Parit Sulong membuka peluang bagi para pelajar untuk menyaksikan sendiri sejarah hidup nenek moyang mereka, meningkatkan kesedaran dan minat dalam warisan sejarah negara.


Mengimbau kembali peristiwa pembunuhan beramai-ramai Parit Sulong pada 22 Januari 1942 dahulu, seramai 150 orang tawanan perang melibatkan tentera British dari Australia dan India telah dibunuh oleh tentera Jepun di tapak Jambatan Parit Sulong.

Rentetan itu, satu upacara peringatan diadakan pada setiap tahun terutamanya melibatkan pegawai pihak berkuasa tempatan Yong Peng dan anggota tentera Australia. Pada setiap 20 Januari, upacara peringatan akan diadakan bersempena dengan peristiwa Pertempuran Muar. Upacara yang diuruskan oleh Kelab Pengkaji Tapak Pertempuran Negeri Johor itu bakal dihadiri bukan sahaja oleh warga tempatan, tetapi juga para pegawai dari Australia dan British serta waris tentera Jepun.

Pembangunan tapak bersejarah dan muzium perlu dilakukan secara berperingkat dengan penumpuan pada pemahaman mendalam terhadap nilai sejarah. Parit Sulong memiliki potensi besar untuk menjadi salah satu destinasi utama pelancongan ketenteraan di Malaysia sekaligus menarik pelancong yang menggemari sejarah ketenteraan.



UJIAN SARINGAN WORLDSKILLS BELIA MALAYSIA



SkillsMalaysia merupakan satu penjenamaan yang menjadi simbol transformasi latihan kemahiran bagi melambangkan jangkauan kemahiran ke aras paling cemerlang hasil daripada kesatuan aspirasi rakyat Malaysia dan keperluan pembangunan negara. Penjenamaan SkillsMalaysia telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ke-6, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 11 Januari 2011 sebagai salah satu daripada 19 projek permulaan (EPP) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Sebagai salah satu projek permulaan di bawah Program Transformasi Ekonomi, SkillsMalaysia bertujuan meningkatkan kesedaran dan membuka peluang kepada pelajar lepasan SPM supaya memilih latihan kemahiran sebagai pilihan utama dalam penentuan kerjaya.



Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia merupakan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan yang dianjurkan setiap tahun bertujuan untuk memilih dan mengiktiraf belia atau pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul. Pertandingan ini terbuka kepada belia yang berumur 21 tahun ke bawah kecuali beberapa bidang kemahiran dengan syarat umur 23 tahun dan ke bawah. Pengajuran pertandingan ini membantu meningkatkan tahap kemahiran tenaga manusia di Malaysia yang bertaraf dunia. Selain itu, ia dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

Muhammad Farid Bin Ahmad Rusli, pelajar program DTV KKT M Sri Gading terpilih untuk menjalani ujian saringan kelayakan ke WorldSkills Competition Lyon, France pada 27 dan 28 Januari ini di Universiti Malaysia Pahang di bawah bidang Digital Construction. Beliau merupakan pemenang pingat perak Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2023 dalam bidang Digital Construction. Beliau telah mendapat tunjuk ajar dari En Mohamad Fazil Jamaluddin, pensyarah DTV. Semoga kejayaan sentiasa mengiringi saudara Muhamad Farid dalam mengharumkan nama MARA dan KKT M Sri Gading.



Tangisan Aqsa

Nukilán: Serangga Sastera



Sungguh,
tanah ini merintih lara,
Aqsa terjerat dalam duka yang tiada tara.
Dalam senja yang redup,
Bayang-bayang kepedihan
dipeluk kedinginan malam,
dihempas derita yang tiada tara.

Darah mengalir di lembah-lembah pasir,
Wajah-wajah kecil terhempas
oleh deras peluru,
Terkambus di balik timbunan reruntuhan
Hilang dalam angin,
lenyap di bumi yang terlara.

Kekuatan mereka adalah tekad yang tegar,
Meskipun hati terluka,
semangat tak terkalahkan.
Berkumpul dalam reruntuhan,
mereka tetap berdiri,
Menentang badai kezaliman,
meraih mimpi kedamaian.

Angin berbisik,
menghembuskan rindu yang tiada tara,
Untuk tanah yang tercabik,
untuk jiwa yang terluka.
Ketika matahari terbenam
di balik tembok-tembok pemisah,
Hati merintih,
menangis dalam kepedihan
yang tak terhingga.

Aqsa,
negeri yang merasakan kesakitan,
Namun tetap berdiri dengan kemuliaan.
Laungan suara yang merayakan keteguhan,
Di antara reruntuhan,
harapan masih menyala dalam kegelapan.



JOM IKLAN ALUMNI DTH

BIDANG KERJA



**Pembekalan Kejuruteraan
Awam dan Struktur**



**Penyelenggaraan |
Pembekalan**



Rekabentuk Hiasan Dalaman



AQIB HAKIMI BIN MOHD SABRI

Penolong Pengurus
No. 34A Jalan Selasih 1, Taman
Kemas, 81200 Johor Bahru
+60 11-1172 8569

JEJAK ALUMNI KKTM SRI GADING

LAKARAN KEJAYAAN

NOOR HAZWANI BINTI MOHD HAZLI (DTM)



- Alumni Diploma Teknologi Pembinaan Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan (DTM) sesi KKTm Sri Gading sesi Julai-Disember 2018.
- Kini beliau berkhidmat Safety Executive di sebuah syarikat pengangkutan yang menjalankan kontrak kerja dengan Shell Port Dickson.

Tahniah IRON LADY!!!

HASPIDA BINTI ABBAS (DTH)



ASMA HANISAH BINTI RUSLI (DTH)



- Asma Hanisah binti Rusli merupakan alumni Program Jalanraya dan Pengangkutan (DTH) sesi Julai-Disember 2019.
- Beliau melanjutkan pelajarannya di peringkat Ijazah dalam bidang Construction Management di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
- Sekarang beliau bekerja di syarikat Eco Interiors International Sdn Bhd sebagai QAQC Coordinator.

Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada beliau!

- Alumni Diploma Teknologi Pembinaan Jalanraya dan Pengangkutan sesi KKTm Sri Gading sesi Julai-Disember 2014.
- Kini beliau telah berkhidmat di sebuah agensi kerajaan iaitu Jabatan Kerja Raya sebagai Penolong Jurutera (Awam) di Tawau, Sabah.
- Sektor Jeraya ,Jabatan Kerja Raya , Tawau.



Tahniah diucapkan sekali lagi dan semoga terus maju jaya dalam bidang yang diceburi.



MUHAMMAD SHAKIR BIN AFFENDY (DTM)



Muhammad Shakir bin Affendy juga merupakan alumni Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan (DTM) sesi Julai-Disember 2019. Beliau kini telah berjaya menubuhkan syarikat pembinaannya sendiri iaitu FND Makmur Enterprise.

Seringkali memenuhi undangan dari KKTm SG khususnya Program DTM sebagai salah seorang panel pembentangan Projek Tahun Akhir.

Semoga terus menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar TVET yang lain untuk lebih berjaya.



Tahniah!

SENARAI NAMA PENERIMA
**ANUGERAH PERKHIDMATAN
CEMERLANG TAHUN 2023**

AZIMA BINTI SAPUAN

Pembantu Tadbir P/O - (Rekod Surat / DDMS)

MAZNI BINTI AWANG

Pegawai Latihan Vokasional
Program Geo-struktur

TS. MOHD MAWARDI BIN HUSSAIN

Pegawai Latihan Vokasional
Program Bangunan Hijau

MOHAMAD ARIF BIN RUBAIN @ RUBAEH

Pegawai Latihan Vokasional
Program Pemodelan Maklumat Bangunan

TS. MOHD ZULKEFLY BIN HAMZAH

Pegawai Latihan Vokasional
Program Sistem Termaju

NOORIDAH BINTI ITHNIN

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru Usahawan)
Jabatan Pengajian Am

SITI NAZIRAH BINTI ABDUL RAHMAN

Pembantu Makmal

SITI NORFARIZA BINTI SUNARI

Pembantu Tadbir (Kewangan)

TENGKU IRNI NAZLIA BINTI TENGKU IBRAHIM

Pegawai Latihan Vokasional
Program Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan

ZAI DATUL AISHAH BINTI KAMAL

Pegawai Latihan Vokasional
Program Jalanraya dan Pengangkutan

10 Staf Cemerlang
antara yang diraih Anugerah Perkhidmatan



Cemerlang KKT M Sri Gading

dalam Majlis Penganugerahan
Jaimatan Cemerlang (APC) 2023



“ Kesediaan dan kepentasan anda melakukan adaptasi dengan perubahan semasa sememangnya wajar diberikan pengiktirafan.”

Dato' Sri Azhar
Ketua Pengarah MARA

MARA dan KKT M Sri Gading

Meraih Anugerah Prestij dalam Majlis eUsahawan And GIG Appreciation Night



M

ARA menerusi Sektor Pendidikan seperti Bahagian Kemahiran Dan Teknikal, Bahagian Pendidikan Tinggi dan Bahagian Penganjuran Pelajaran telah meraih beberapa anugerah dalam Majlis eUsahawan And GIG Appreciation Night yang dirasmikan oleh YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong, Timbalan Menteri Digital pada 21 Februari 2024.

Puan Nooridah binti Ithnin, pensyarah usahawan KKT M Sri Gading telah dinobatkan sebagai penerima tempat pertama bagi Anugerah eUsahawan Best TVET Lecturer 2022.

Dengan kecemerlangan dan dedikasi yang tidak berbelah bagi, beliau telah membanggakan TVET MARA sekaligus menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi dalam menyangut cabaran ekonomi digital abad ke-21. Tahniah diucapkan sekali lagi kepada Puan Nooridah atas kejayaannya yang gemilang ini. Semoga beliau terus berjaya dalam semua usahanya yang akan datang.



NOORIDAH ITHNIN: PENERIMA ANUGERAH eUSAHAWAN BEST TVET LECTURER

Dalam ucapan penerimaan anugerah, Puan Nooridah menyatakan, "Saya sangat berterima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong saya dalam perjalanan ini.

Kejayaan ini bukanlah milik saya semata-mata, tetapi ia adalah hasil usaha bersama pihak pengurusan institusi serta semangat kolaborasi dan kerjasama yang berkekalan daripada rakan sejawat di KKT Sri Gading. Saya yakin, dengan sinergi yang terus berkembang ini, kita dapat mewujudkan lebih banyak pencapaian gemilang pada masa akan datang"



CSR DTG

PEMASANGAN PAGAR DI MASJID SUNGAI ABONG, MUAR

Pada hari Sabtu, 24 Februari 2024 telah diadakan program khidmat masyarakat iaitu menyiapkan pagar di sebelah premis Masjid Sungai Abong, Muar.

Seramai 5 orang pensyarah bersama 10 orang pelajar Program DTG telah menyumbang tenaga mereka dalam menyiapkan pemasangan pagar ini.

Semoga dengan penat lelah mereka dalam amal jariah ini akan dikurniakan ganjaran yang tinggi dari Allah s.w.t.



Tautan Kasih DTH JJ2024

“Sebuah amanat, harapan dan kejayaan tercipta di sini”

Rasmi menginjak ke semester baru, Majlis Tautan Kasih turut dilaksanakan yang melibatkan pensyarah, juruteknik dan pelajar-pelajar Program DTH.

Aturcara yang terkandung dalam majlis ini antaranya ialah Taklimat *Objective Based Education* (OBE) yang telah disampaikan oleh Mohd Farhan bin Sukaimy. Taklimat ini amat penting kepada semua pensyarah dan pelajar khususnya agar mereka dapat memahami objektif pelaksanaan kurikulum di KKTm Sri Gading.

Selain itu, amanat dan ucapan daripada Ketua Program DTH, Ts. Lelasari bin Ali turut telah disampaikan. Selain meraikan kejayaan pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan sesi Julai-Disember 2023, pelajar-pelajar semester satu turut dikenalkan dalam majlis ini.

Semoga pelajar-pelajar Program DTH akan terus cemerlang.





Perkongsian kepakaran Industri bagi Kerja Membaikpulih Interlocking Concrete Paver (ICP)

Inisiatif Peningkatan Infrastruktur: Memperbaiki Laluan Foyer KKT M Sri Gading


Program ini telah dilaksanakan pada 14 hingga 15 Februari bertempat di KKT M Sri Gading. Program anjuran Jabatan DTH ini merupakan satu bentuk galakan bagi membentuk semangat perpaduan di kalangan industri, alumni, pelajar dan staf DTH.

Hasil daripada tinjauan dan aduan pelajar dan staf yang menggunakan laluan di bawah foyer Jabatan Pengajian Am, didapati laluan tersebut berada dalam keadaan tidak rata dan beralun. Jabatan DTH dengan penuh rasa semangat dan tanggungjawab telah mengambil cabaran bagi membaik pulih laluan tersebut dengan mencadangkan pemasangan semula interlocking concrete paver (ICP) dibawah pemantauan wakil industri sebagai fasilitator dan alumni DTH yang sedang bekerja dengan Safwa Global Venture (M) Sdn Bhd (SGV).Rujuk pada Lampiran 2.

Safwa Global Venture-M Sdn Bhd mempunyai kepakaran dalam pemasangan Interlocking Concrete Paver dan telah diberi kepercayaan oleh Johor Centre for Construction Development (JCCD) untuk menganjurkan Kursus Bengkel Teknikal Interlocking Concrete Paver. Selain itu, syarikat ini juga terlibat dalam kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB yang bertujuan untuk memberi pengetahuan, melatih serta meningkatkan kemahiran para kontraktor mengenai pendedahan, pengenalan dan cara pembinaan serta penyelenggaraan Interlocking Concrete Pavers.

Objektif program adalah seperti berikut:

1. Membuka semula ICP lama yang telah rosak dan meletakkan pasir serta meratakan pasir pada aras lapisan yang betul.
2. Menyusun semula ICP mengikut rekabentuk yang bersesuaian.
3. Menggerakkan ukhuwah silaturahim antara industri, alumni, staf dan pelajar DTH di KKT M Sri Gading.
4. Perkongsian ilmu teknikal dan pengalaman dari wakil alumni selaku wakil industri kepada staf dan pelajar DTH.



Kunjungan Kolaborasi

DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA WILAYAH SELATAN



Khamis, 8.2.2024 - Pihak KKTm Sri Gading berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Selatan. Hadir bersama ialah En. Mohd. Riduwan bin Wahab selaku Pengarah DBP Wilayah Selatan, En. Razid bin Sahran (Timbalan Pengarah Bahasa DBP Wilayah Selatan) dan Pn. Adila binti Buhari (Penolong Pengarah Bahasa DBP Wilayah Selatan).

Perbincangan kolaborasi ini diadakan di Bilik Mesyuarat Utama yang bertujuan untuk membincangkan jalinan kerjasama melalui aktiviti dan program pemerkasaan bahasa kebangsaan dalam institusi TVET MARA. Pegawai KKTm Sri Gading yang hadir ialah En Zainudin bin Zakaria (Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Hal Ehwal Pelajar), En Hairul Anwar bin Muhammad Noh (Pegawai Perhubungan Industri) dan Pn Nurul Ashikin binti Abu Bakar (Pensyarah Pengajian Malaysia).

Melalui kolaborasi ini, KKTm Sri Gading secara tidak langsung dapat menjadi pusat yang mempromosikan penggunaan, pemahaman dan penghargaan terhadap Bahasa Melayu serta warisan kebudayaan Malaysia, sejajar dengan visi dan misi DBP untuk memartabatkan bahasa dan kebudayaan kebangsaan. Di samping itu juga, ia dapat memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan serta memperkaya pengalaman pelajar dengan elemen-elemen budaya dan intelektual.

Semoga jalinan kolaborasi ini dapat mempertingkatkan kecintaan bahasa kebangsaan dalam kalangan warga TVET MARA khususnya di KKTm Sri Gading.



Cakna fardhu ain HELWA anjur Program Pemantapan Fiqh Wanita dan Solat

Sebagai seorang muslim yang mukallaf, menjadi kewajiban untuk kita mengetahui serta memahami ibadah-ibadah khusus dalam Islam seperti solat, puasa dan lain-lain.

Maka dengan rasa tanggungjawab, Jawatankuasa HELWA di bawah Sekretariat Kerohanian mengambil inisiatif untuk menjalankan program "Pemantapan Fiqh Wanita & Solat" bagi mengukuhkan pemahaman pelajar akan pentingnya ilmu solat dan pelaksanaan ibadah solat dengan betul.

Program Fiqh Wanita dan Solat ini telah dilaksanakan pada 22 Februari 2024 dan bertempat di Dewan Teater A khusus untuk pelajar dan staf wanita. Ianya telah disampaikan oleh penceramah jemputan luar iaitu Ustazah Zuraidah binti Umar yang merupakan seorang pesara dari Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia. Program ini telah dihadiri oleh seramai 149 orang siswi serta staf wanita KKT M Sri Gading.



HELWA sertai Kursus Pengurusan Jenazah sebagai persediaan tuntutan fardhu kifayah

Pada 21 Februari 2024 seramai 15 orang staf wanita KKTM Sri Gading telah menyertai Kursus Pengurusan Jenazah bertempat di Surau Ar-Ridhuan Kampung Parit Nipah Tengah. Kursus yang dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Wanita Prihatin Negeri Johor ini telah disampaikan oleh Puan Katijah binti Tahir yang berpengalaman dalam pengurusan jenazah selama lebih 50 tahun. Selain staf wanita KKTM Sri Gading, kursus ini juga telah dihadiri oleh peserta dari komuniti setempat.

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

Anjuran PERSATUAN KEBAJIKAN WANITA PRIHATIN NEGERI JOHOR

"Barang siapa yang melayan jenazah orang Muslim kerana iman dan ikhlas, turut solat jenazah bersama-sama dan memanggungkan perbuatan itu sebagai amalan ibadah maka orang itu pun membawa pahala dua qirat, tahuqat kira-kira sebesar Bukit Uluh. Dan siapa yang mengikuti solat jenazah sahaja, kemudian dia pulang sebelum dimakamkan, maka orang itu pulang membawa pahala satu qirat." (Riwatai al-Bukhari dan Sunan an-Nasa)

KANDUNGAN KURSUS:

- Taklimat Ringkas Pengurusan Jenazah oleh Puan Katijah binti Tahir
- Kaedah Memandikan Jenazah Secara Praktikal
- Kaedah Memakaikan Kain Kapan Secara Praktikal
- Solat Jenazah dan Sesi Soal Jawab

21 FEB 2024 | RABU
9.00 - 11.00 PAGI
SURAU AR- RIDHUAN,
PT NIPAH TENGAH

JAWATANKUASA HELWA | SEKRETARIAT KEROHANIAN KKTM SRI GADING

Antara objektif penganjuran kursus ini ialah memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para peserta berkaitan tatacara, adab-adab dan kaedah menguruskan jenazah secara teori dan praktikal serta melahirkan rasa tanggungjawab dan hubungan kerjasama antara peserta.

Semoga ianya akan dapat memberi manfaat sebagai memenuhi tuntutan fardhu kifayah.



SUPERMUSLIM KIDS CAMP @KKT M SRI GADING



Pada 15 Februari 2024 (Khamis), KKT M Sri Gading menjadi tuan rumah kepada acara istimewa yang bertajuk SuperMuslim Kids Camp.

Program ini merupakan hasil kolaborasi yang cemerlang antara Kesatuan Pelajar Islam Johor (KPIJ), Sekretariat Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) KKT M Sri Gading, dan Persatuan Kebajikan Kakitangan (PKK) KKT M Sri Gading.

Program seumpama ini adalah satu lagi bukti komitmen KKT M Sri Gading dalam mewujudkan platform pembelajaran dan pembangunan bagi generasi muda. SuperMuslim Kids Camp bertujuan untuk memberikan pendedahan yang mendalam tentang Wudhu & Solat, sekaligus membimbing peserta mengenai pentingnya melaksanakan solat sebagai sebahagian daripada kehidupan mereka.

Seramai 163 peserta kanak-kanak dari pelbagai peringkat umur, mulai dari 4 hingga 14 tahun, telah bergabung untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat. Mereka telah melalui sesi pembelajaran yang interaktif dan mendapat peluang untuk memperdalam pemahaman mereka tentang aspek-aspek penting dalam solat.

Puncak acara adalah pada penghujung hari, apabila setiap peserta diberikan sijil penyertaan sebagai penghargaan atas penyertaan mereka. Sijil tersebut disampaikan dengan penuh kebanggaan oleh wakil pelajar dari unit KPIJ dan PRS, menyampaikan rasa hormat dan penghargaan kepada setiap peserta atas usaha dan komitmen mereka sepanjang program.





Jejak Spiritual

Tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan SuperMuslim Kids Camp ini. Kejayaan acara ini adalah hasil daripada kerjasama yang kukuh antara pelbagai entiti di KKTm Sri Gading dan merupakan langkah penting dalam memberikan impak positif kepada pembangunan moral dan spiritual generasi muda kita.

Diharapkan program yang bermanfaat ini akan diteruskan dalam masa akan datang dan akan terus menjadi mercu tanda kejayaan KKTm Sri Gading dalam menyokong perkembangan holistik pelajar-pelajarnya.



SuperMuslim Kids Camp di KKTm Sri Gading bukan sahaja memberi keseronokan kepada peserta, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan moral, spiritual dan sosial di kalangan generasi muda. Diharapkan program ini akan terus diteruskan dan memberi impak positif yang berkekalan kepada komuniti KKTm Sri Gading dan masyarakat setempat.





Pelajar KKT M Sri Gading Mengukuhkan Kemahiran Keusahawanan Melalui Projek Simulasi Start Up Enterprise: Pertandingan Memancing Juara Joran

Rabu, 6 Februari 2024 – Program Pertandingan Memancing Juara Joran telah berlangsung di Kolam Faizal Parit Raja, Batu Pahat. Pertandingan ini dikelolakan oleh pelajar dari Jabatan Pemodelan Maklumat Bangunan (DTV4B) dibawah projek simulasi Start Up Enterprise dengan bimbingan Pn Nooridah binti Ithnin, pensyarah Keusahawanan KKT M Sri Gading. Inisiatif ini adalah hasil kerjasama antara KKT M Sri Gading, Faizal Joran, dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Parit Raja Darat.

Projek simulasi Start Up Enterprise dalam Unit Keusahawanan membawa pelbagai kepentingan yang memberi manfaat kepada pelajar dan komuniti yang terlibat. Sebahagian hasil keuntungan yang diperolehi daripada jualan yang dijalankan pada pertandingan ini telah disumbangkan kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Parit Raja Darat.

Antara objektif utama aktiviti seumpama ini dilaksanakan adalah mendedahkan pelajar mengalami proses sebenar dalam memulakan dan mengendalikan perniagaan dari awal hingga akhir melalui simulasi ini. Mereka dapat memahami aspek penting seperti perancangan perniagaan, pemasaran, pengurusan kewangan dan pelanggan. Melalui simulasi ini, pelajar dapat memahami cabaran dan peluang yang berkaitan dengan keusahawanan serta mendapat pengalaman praktikal dalam mengatasinya. Mereka juga dapat memahami proses membuat keputusan yang strategik dalam perniagaan.



Tambahan lagi, melalui projek ini, institusi pengajian dan komuniti dapat bekerjasama dalam memberi peluang kepada pelajar untuk melaksanakan projek keusahawanan secara langsung. Ini membolehkan pelajar menghubungkan teori keusahawanan dengan praktikal serta mendapat ilmu keusahawanan dari pihak profesional.

Selain memberi manfaat kepada pelajar, projek ini juga dapat memberi kesan positif kepada ekonomi tempatan melalui penciptaan peluang pekerjaan dan peningkatan aktiviti perniagaan dalam komuniti.

Intihanya, besar harapan agar selepas pelaksanaan projek seumpama ini pelajar-pelajar dapat meningkatkan keupayaan dalam bidang keusahawanan, penghasilan idea inovatif, peningkatan kolaborasi komuniti setempat dan kesedaran keusahawanan yang lebih tinggi. Ia secara tidak langsung juga akan membantu kesinambungan dan pertumbuhan perniagaan selepas tamat pengajian kelak.



Pertandingan dodgeball ini telah mendapat sambutan baik oleh peserta sekaligus menunjukkan minat yang tinggi dan semangat yang positif dalam aktiviti ini.

Kejayaan sambutan ini memberi harapan untuk aktiviti dodgeball pada masa akan datang, dengan potensi untuk terus memperkuuhkan ikatan sosial di samping, meningkatkan kesihatan fizikal.

Nilai-nilai seperti kerjasama, komunikasi dan sikap kompetitif yang sihat turut dipupuk dalam pertandingan dodgeball. Peserta perlu bekerjasama dengan rakan sepasukan, berkomunikasi dengan efektif dan bersaing secara sihat dengan menghormati rakan sepasukan dan lawan.

DTH PAMER KEHEBATAN, MENANG!

PIALA PENGARAH DODGEBALL

Tahniah! diucapkan kepada pelajar lelaki DTH kerana telah memenangi tempat pertama dalam Pertandingan Dodgeball Piala Pengarah yang telah dianjurkan oleh pelajar DTV2B pada 4 hingga 6 Februari yang lalu.

Semangat berpasukan yang telah ditunjukkan dalam perlawanan ini telah membawa pasukan DTH ke podium. Pertandingan yang diadakan ini merupakan antara tugas akademik bagi Kursus Pengajian Malaysia di bawah bimbingan Encik Mohd Khairuddin bin Abdul Majid.



Pelajar KKTMSG Menang Bergaya dalam Program Bowling "Youth AntiDrug's"



Pada 14 Februari 2024 yang lepas, KKTMSG Sri Gading telah menghantar beberapa orang pelajar untuk menyertai Pertandingan Bowling Youth AntiDrug's yang telah dianjurkan oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan Batu Pahat yang bertempat di Ampang Superbowl Kluang Mall.

Objektif pertandingan ini adalah untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat. Selain itu dapat membentuk hubungan sosial yang utuh. Dengan terlaksananya program ini akan menjadikan ianya salah satu strategi jangka panjang bertujuan mencegah diri seseorang daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan masalah sosial.

Tahniah diucapkan kepada wakil pelajar yang telah memenangi tempat pertama (Johan), Nurliyana binti Ahmad Kamal dari program DTG2A dan tempat ketiga, Muhammad Anugerah bin Abd Talib dari program DTF2B.

Padang STI uji kemampuan Pasukan SG Venom di arena ragbi

SG Venom telah menerima jemputan perlawanan persahabatan dari STI Emperor bagi persediaan mereka untuk kejohanan MSSD Batu Pahat Bawah 18 tahun dan mengeratkan perhubungan dua hala pada 2 Februari 2024 bertempat di Padang Ragbi SMK Tun Ismail, Parit Raja bermula pada pukul 5.30 petang. Perlawanan ini melibatkan 28 orang pemain pasukan ragbi pelajar, SG Venom.

Perlawanan persahabatan tersebut ditentukan dengan 3 set perlawanan. Menerusi set yang pertama, SG VENOM telah memenangi set tersebut dengan skor 30 berbalas 10. Set yang kedua, kedua-dua pasukan SG VENOM dan STI EMPEROR telah memperoleh keputusan skor seri 15 berbalas 15. Set yang terakhir, pasukan STI EMPEROR berjaya memenangi set dengan keputusan skor 15 berbalas 20 ke atas pasukan SG VENOM.

Secara keseluruhannya, perlawanan persahabatan ini berjaya mengeratkan silaturahim, budaya berkerjasama dan pertambahan ilmu di antara pasukan ragbi yang terlibat.

Perlawanan persahabatan seperti ini juga dapat melahirkan pelajar yang aktif terhadap aktiviti-aktiviti sukan serta meningkatkan stamina pelajar. Ianya juga mampu mendidik serta melahirkan pelajar yang kompetitif, aktif serta mempunyai ketahanan diri yang tinggi baik dari segi mental maupun fizikal dalam semua bidang khususnya bidang sukan ragbi



Berikut merupakan objektif program tersebut:

1. Membentuk pelajar yang aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah dan sukan yang dilaksanakan bersama.
2. Mendidik serta melahirkan pelajar yang kompetitif, aktif serta mempunyai ketahanan diri yang tinggi baik dari segi mental maupun fizikal dalam semua bidang khususnya bidang sukan.
3. Mencungkil bakat pelajar sebagai satu pasukan yang bersemangat dan mempunyai keazaman yang tinggi bagi menjulang nama KKTm Sri Gading ke peringkat tertinggi dalam bidang sukan ragbi khususnya.
4. Melahirkan pelajar yang berintegriti di mana mempunyai pelbagai kemahiran, kebolehan dalam pelbagai bidang serta tidak hanya tertumpu kepada akademik semata-mata namun seimbang dengan hasrat kolej untuk melahirkan pelajar yang mempunyai nilai modal insan yang tinggi.





DTV4A dan PKK bergabung demik “JUARA BULU TANGKIS”

J uara Bulu Tangkis merupakan satu program simulasi Start Up Enterprise oleh pelajar semester 4 Jabatan DTV dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Kakitangan KKT M Sri Gading yang telah diadakan pada 17 Februari 2024.

Pertandingan ini diadakan di Dewan Darul Takzim, KKT M Sri Gading bermula pada pukul 8.00 pagi. Sambutan menggalakkan dengan jumlah penyertaan sebanyak 48 kumpulan yang terdiri daripada 32 kumpulan lelaki dan 16 kumpulan wanita.



Objektif utama program ini dianjurkan adalah bagi memupuk bakat para peserta dalam sukan badminton dan meningkatkan semangat berpasukan dan kerjasama di kalangan peserta. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pengetahuan dan informasi mengenai sukan fizikal dengan menerapkannya kepada para peserta yang terlibat.


Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi meningkatkan tahap kebolehan pelajar KKT M Sri Gading dalam menganjur dan menguruskan pertandingan terutama apabila melibatkan pihak luar. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para peserta yang terlibat, pemenang dan pengajur program ini.





Pelajar semester 4A Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Bangunan Hijau) telah menganjurkan program "Kursus Asas Memanah Perjuangan Ala Panji" pada 26 Februari 2024 bertempat di padang sasar memanah berdekatan Dewan Makan KKT M Sri Gading. Kursus yang dianjurkan ini adalah salah satu projek simulasi Start Up Enterprise yang melatih pelajar untuk menjalankan program yang menjana pendapatan.

Peserta kursus adalah dari umur 7 tahun hingga 15 tahun. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat luar. Tujuan program adalah meningkatkan minat mereka dalam sukan sunnah memanah ini. Aktiviti ini juga dapat membangkitkan minat mereka yang mengambil bahagian untuk menonjolkan bakat sendiri. Selain itu, kursus ini juga bertujuan untuk menanam rasa simpati terhadap nasib rakyat Palestin serta meningkatkan semangat perjuangan dalam diri para peserta.





STAR'24:

Inisiatif Baharu Sekretariat Sukan dan Rekreasi untuk Meningkatkan Kesejahteraan Staf Melalui Sukan Rekreasi

SUKAN REKREASI

Sekretariat Sukan dan Rekreasi pada Tahun 2024 akan menganjurkan satu sukan berbentuk rekreasi dengan penjenamaan baru iaitu Staff Recreation (STAR 24). Terdapat 12 kategori acara sukan yang akan dipertandingkan antaranya ialah dodgeball, sepak takraw, futsal, badminton, bola jaring, bola tampar, karom, petanque, dart dan sebagainya.

Objektif dan matlamat sukan rekreasi staf adalah untuk memupuk dan merapatkan silaturahim dalam kalangan semua staf menjadikan amalan hidup bersukan sebagai satu kebiasaan untuk meningkatkan kesihatan diri, menyediakan ruang bagi aktiviti riadah di kalangan staf serta memupuk minat dalam sukan dan memberikan peluang kepada individu untuk menonjolkan bakat dalam sukan.



LENSA STAR'24





CSR

KKT M SRI GADING PRIHATIN

- Tarikh : 12.2.2024 (Isnin)
- Masa : 8.00 pagi - 5.00 petang
- Tempat : Pra Sekolah Kebangsaan Pintas Puding, Batu Pahat

ANJURAN :
UNIT PENGAJIAN MALAYSIA, JABATAN PENGAJIAN AM

CSR KKT M Sri Gading Prihatin telah diadakan pada 12.2.2024 bertempat di Pra Sekolah Pintas Puding, Parit Raja.

Seramai 16 orang peserta terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pelajar semester 2 Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Geostruktur) dan pensyarah KKT M Sri Gading. Aktiviti CSR (Corporate Social Responsibility) yang dijalankan merupakan salah satu tugas penilaian dalam kursus Pengajian Malaysia di bawah bimbingan Pn Nurul Ashikin binti Abu Bakar.

KKT M Sri Gading telah berganding bahu dengan pihak sekolah dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk memperbaiki dan memperindah persekitaran sekolah.

Penglibatan CSR ini adalah merupakan salah satu elemen penilaian tugas kursus Pengajian Malaysia yang bermatlamatkan penglibatan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dalam komuniti. Inisiatif ini turut melibatkan penyelenggaraan kawasan sekolah serta penjagaan lanskap yang memberi kesan positif terhadap persekitaran pembelajaran.

Dengan kejayaan program ini, kita dapat melihat betapa pentingnya penglibatan komuniti dalam menyokong perkembangan endidikan dan kelestarian alam sekitar.

Semoga program-program sebegini akan diteruskan demi kesejahteraan bersama.

Hal ini kerana aktiviti CSR dalam komuniti memberikan pelajar pelbagai manfaat dan nilai tambah dalam kehidupan.

Apa yang penting, ia memperluas pemahaman pelajar tentang tanggungjawab sosial dan nilai-nilai kebertanggungjawaban. Secara tidak langsung, ia membentuk kesedaran sosial yang penting dalam pembentukan warga negara yang beretika dan bertanggungjawab.

Selain itu, pelajar dapat memperoleh kemahiran baru dan mengasah kemahiran sedia ada seperti kemahiran interpersonal, kepimpinan dan kerja berkumpulan. Ini membantu dalam perkembangan holistik pelajar dan persediaan mereka untuk kehidupan selepas tamat pengajian.

Intinya, adalah diharapkan penglibatan aktiviti CSR dalam kalangan pelajar dapat memupuk nilai-nilai empati, kerjasama dan penghargaan terhadap kepelbagaiannya seterusnya dapat membentuk peribadi yang berdaya tahan dan sensitif terhadap keperluan masyarakat yang berbeza.

CSR

PENGLIBATAN SOSIAL KORPORAT: MENCIPTA IMPAK POSITIF UNTUK KESEJAHTERAAN BERSAMA

Tingkatkan Kebaikan Bersama: Mengukuhkan Komitmen Korporat dalam CSR

PONTIAN BESAR - Seramai 18 orang pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan) yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia bersama-sama pensyarah KKTM Sri Gading telah melaksanakan kerja-kerja khidmat komuniti seperti pemasangan paip dan mengecat di kawasan wakaf Kampung Melayu, Pontian Besar Kiri.

Aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) memberikan pelbagai kebaikan kepada pelajar. Ini termasuk peluang pendidikan tambahan seperti kemahiran sosial, kepimpinan dan kerja kumpulan Tambahan lagi, pelajar juga dapat memahami isu-isu sosial dan memupuk nilai-nilai seperti keikhlasan dan tanggungjawab dalam komuniti. Aktiviti ini tidak hanya meningkatkan kepuasan diri pelajar, tetapi juga membuka peluang untuk rangkaian dan pertumbuhan peribadi yang holistik.





Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Bersama Pelajar Maahad Tahfiz Al-Johari “Introduction to Construction Drawing (AUTOCAD)”

Kursus Introduction to Construction Drawing (AUTOCAD), anjuran Jabatan DTM adalah salah satu pengisian terbaik dalam memenuhi keperluan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Kursus ini telah diadakan pada 4 Februari 2024 bertempat di Bilik CAD 4 bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Penyertaan menggalakkan daripada yang terdiri daripada pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Johari dengan penceramah yang dilantik merupakan pensyarah daripada Jabatan DTM, En. Mohd Nor Azli bin Ansori.

Antara pengisian kursus ini adalah memberi latihan secara teori dan praktikal kepada peserta terlibat dengan bantuan dan pemantauan daripada penceramah sendiri. Selain itu, tahap pengetahuan dan kefahaman peserta juga dapat diukur melalui ujian yang diberi seterusnya dapat mengenalpasti kelemahan peserta secara langsung dan mengambil langkah bagi mengatasi kelemahan tersebut dengan berkesan.

Kursus seperti ini wajar dilaksanakan lagi pada masa akan datang kerana menjadi satu medium dan mekanisme yang berkesan bagi mempromosikan KKT M Sri Gading di mata masyarakat luar melalui perkongsian kepakaran serta fasiliti pendidikan. Semoga kursus ini juga dapat memberi manfaat dan menjadi nilai tambah kepada para peserta. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pengajur, penceramah dan peserta.





Taklimat seterusnya disampaikan oleh Tuan Hj Azman Bin Ali, Pengarah KKTm Sri Gading berkenaan program TVET Tahfiz di KKTm Sri Gading.

Pengisian seterusnya adalah sesi lawatan ke IBS Excellent Centre dan bengkel di sekitar kampus KKTm Sri Gading.

Akhir program adalah taklimat peluang pendidikan oleh KPTM Batu Pahat.



Sesi Libat Urus Bersama Pengetua Tahfiz Negeri Johor

KKTm Sri Gading dengan kerjasama Pejabat MARA Negeri Johor telah menjalankan program Sesi Libat Urus Bersama Pengetua Pusat Tahfiz Negeri Johor.

Objektif program ini djalankan adalah bagi memberi pendedahan dan maklumat kepada pelajar Pusat Tahfiz di negeri Johor berkenaan peluang pendidikan di Institusi Pendidikan MARA (IPMA).

Pengisian program dimulakan dengan taklimat peluang pendidikan daripada UniKL MITEC. Seterusnya taklimat peluang pendidikan daripada KPM Bandar Penawar dan German Malaysian Institute (GMI).



Pihak KKTm Sri mengucapkan terima kasih kepada Pejabat MARA Negeri Johor dan Pusat Tahfiz sekitar negeri Johor atas kerjasama yang diberikan. Semoga jalinan kerjasama ini memberi manfaat kepada semua pihak.



Bengkel Perancangan Strategik Kelestarian Kampus 2024

UI GreenMetric World University Ranking ialah ranking kampus hijau dan kelestarian alam sekitar yang dimulakan oleh Universiti Indonesia pada tahun 2010.

Melalui 39 petunjuk dalam 6 kriteria, UI GreenMetric World University Rankings secara berhemat menentukan kedudukan mengikut komitmen dan inisiatif alam sekitar universiti. 6 kriteria tersebut ialah Setting and Infrastructure (SI), Energy & Climate Change (EC), Waste (WS), Water (WR), Transportation (TR), dan Education and Research (ED). Ia bertujuan bagi menilai dasar kemampuan yang merujuk kepada konsep Persekitaran, Ekonomi dan Ekuiti.



Atas dasar kelestarian alam sekitar dan kampus hijau, Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Alam Sekitar KKT M Sri Gading telah mengadakan bengkel Perancangan Strategik Kelestarian Kampus 2024 pada 6 Februari 2024 bertempat di 21st Century Classroom. Program ini disampaikan oleh Ts. Mohd Mawardi bin Hussain, pensyarah DTE yang mempunyai kepakaran dalam UI GreenMetric. Program melibatkan sesi perkongsian maklumat dan kaedah penyediaan laporan berkaitan penarafan di dalam UI GreenMetric di kalangan Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Alam Sekitar. Seramai 14 ahli Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Alam Sekitar menyertai bengkel ini.

Bengkel ini dijalankan bertujuan berkongsi maklumat serta kaedah penyediaan laporan berkaitan penarafan di dalam UI GreenMetric di kalangan Jawatankuasa Teknologi Hijau dan Alam Sekitar. Penceramah juga menerangkan cara pengumpulan data dan dokumen serta kaedah pelaksanaan yang berkaitan dalam meningkatkan kadar pemarkahan dengan merujuk kepada kategori dan petunjuk yang ditetapkan. Dengan terlaksana bengkel ini, diharap dapat menjadi elemen penggalak kepada warga KKT M Sri Gading untuk mengambil bahagian dalam menyediakan lebih banyak ruang yang berunsur kelestarian serta menjaga alam sekitar, disamping mewujudkan pembangunan tenaga lestari.





LAWATAN SEKRETARIAT AMAR KKT M SRI GADING KE PEJABAT SPRM KEMPAS JOHOR:

Membuka Peluang Kerjasama Antikorupsi

Sekretariat AMAR (Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah) KKT M Sri Gading telah mengadakan lawatan ke pejabat SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) pada 1 Februari 2024 di Kempas Johor.



Seramai 8 orang staf telah menyertai lawatan tersebut. Tujuan lawatan adalah mengadakan perbincangan dan perancangan beberapa program yang melibatkan AMAR KKT M Sri Gading sepanjang tahun.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua Cawangan PENMAS Penguasa Kanan, Alice Voon Mei Ling.

Di samping itu, satu sesi lawatan diadakan ke lokap dan bilik VIR yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang realiti kehidupan di dalam penjara.

Objektif lawatan ialah membincangkan tentang skop serta cadangan aktiviti dan fungsi AMAR di peringkat pusat bagi tahun 2024.

Selain itu, ia juga bertujuan menyemai budaya nilai integriti di kalangan warga kerja untuk diserapkan kepada pelajar-pelajar serta mengetahui prosedur tentang hukuman-hukuman di SPRM dalam situasi yang sebenar sekiranya seseorang individu terlibat dalam gejala rasuah.

PROGRAM "LEARNING EXPERIENCES BETWEEN UNIKL MITEC AND KKTM SRI GADING" DI UNIKL MITEC



Pada 24 Februari 2024, Sabtu - Jawatankuasa Perhubungan Industri dan Jawatankuasa Alumni hari ini bersama Universiti Kuala Lumpur Malaysia Institute of Industrial Technology (MITEC) telah menjalankan program "Learning Experiences Between UniKL MITEC and KKTM Sri Gading" di UniKL MITEC, Bandar Seri Alam.

Delegasi KKTM Sri Gading diwakili oleh Encik Hairul Anwar Bin Muhamad Noh, Pegawai Perhubungan Industri dan Puan Noorhidayu Binti Mohd Nordin, Penyelaras Jawatankuasa Perhubungan Alumni. Manakala seramai 54 orang pelajar Semester 5 turut serta dalam program ini.

Objektif program ini djalankan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan peluang pendidikan dan laluan kerjaya di UniKL MITEC.

Pengisian program dimulakan dengan ucapan aluan daripada Tn. Hj. Mohamad Shahrul Effendy Bin Kosnan, Head of Section (HoS) PETec Section.

Seterusnya taklimat ringkas oleh Dr. Mohd Usairy Syafiq Sama'in, Head of Section (HoS) QE Section berkenaan program Quality Engineering. Taklimat seterusnya oleh Ts. Dr. Zuraidah Rasep, Program Coordinator (PC) BFame Program dan Ts. Dr. Huda Jaafar, Pensyarah ICE Program.

Pengisian seterusnya adalah sesi perkongsian bersama 15 orang alumni yang sedang menyambut pengajian di UniKL MITEC. Ini memberi peluang kepada pelajar dan alumni berkongsi pengalaman dan membina rangkaian baru.

Akhir program semua pelajar dibawa ke makmal, bengkel dan fasiliti sekitar kampus UniKL MITEC untuk merasai pengalaman sebenar belajar di universiti.

Pihak KKTM Sri mengucapkan terima kasih kepada UniKL MITEC atas pengalaman yang cukup berharga. Semoga jalinan kerjasama ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.



CERAMAH PERDANA ISRA' MIKRAJ “Kembara Agong Insan Mulia”

Israk dan mikraj merupakan satu peristiwa besar yang telah dilalui oleh Rasulullah s.a.w. di mana Baginda telah dibawa ke Masjidil Aqsa daripada Kota Mekah. Setelah itu, Baginda telah dibawa naik ke atas langit. Kedua-dua peristiwa ini telah berlaku hanya dalam satu malam. Sewajarnya sebagai umat Nabi Muhammad s.a.w. kita mengetahui dan mengenangkan peristiwa ini kerana telah turunnya perintah menuaikan solat 5 waktu melalui Israk Mikraj ini.

Program ceramah perdana ini telah dilaksanakan pada 8 Februari 2024 di Surau Annur. Objektif utama program seumpama ini adalah agar setiap kakitangan dan pelajar KKT M Sri Gading dapat menyemai rasa cinta kepada Rasulullah serta kekuasaan Allah yang telah ditunjukkan kepada Baginda s.a.w. sepanjang perjalanan Baginda ke Sidratul Muntaha.

Ceramah yang berlangsung selama sejam ini telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Yusmail bin Yusoff.





SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

1

- Goal = End poverty in all its forms every where.
- 575 million will still be living in extreme poverty.
- The targets for this goal include a world where the poor are not vulnerable to climate change and have equal rights to economic resources.
- This goal aims to eradicate extreme poverty by year 2030.



2

- Goal = End hunger, achieve food security and improved nutrition and promote sustainable agriculture.
- More than 600 million people worldwide are projected to face hunger in 2030.
- The food and agriculture sector offers key solutions for development and is central for hunger and poverty eradication.



3

- Goal = Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages.
- Goal includes call for universal health coverage, increasing healthcare workforce, reducing illness and death by pollution, comprehensive agenda for tackling a wide range of global health challenges such as AIDS, malaria and tuberculosis.



4

- Goal = Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all.
- Targets for this goal include the need for access to university level education, vocational training and entrepreneurial skills.
- Primary and secondary school completion rate are rising but the pace is slow and uneven.



5

- Goal = Achieve gender equality and empower all women and girls.
- Targets for this goal include freedom from discrimination and violence, ensuring equal share of leadership opportunities and responsibilities for women as well as property ownership.



6

- Goal = Ensure availability and sustainable management of water and sanitation for all.
- 2.2 billion people lacked safely managed drinking water.
- 3.5 billion people lacked safely managed sanitation.
- Avoiding wasting water.



7

- Courses that address energy efficiency, renewable energy, and sustainable practices
- Projects and case studies in the curriculum that promote clean energy solutions
- Potential career paths in sustainable energy for graduates



8

- How the program prepares students for the construction industry and its role in the economy
- Emphasizing safety, workers' rights, and fair wages in course discussions and fieldwork
- Encouraging entrepreneurship and innovation in sustainable construction practices



9

- Integration of modern technology and innovative methods in construction courses
- Focus on building resilient infrastructure that can contribute to sustainable development
- Collaborations with industry partners for practical experience



10

- Addressing the role of the construction industry in reducing inequalities through accessible and affordable infrastructure
- Incorporation of universal design principles in course materials
- Promoting diversity and inclusion within the construction field



11

- Urban planning and sustainable development practices taught in the program
- Analyzing the impact of construction projects on communities and the environment
- Design and construction of sustainable living and working spaces



12

- Teaching sustainable material use and waste reduction in construction
- Life cycle analysis of construction materials and their environmental impact
- Ethical sourcing and supply chain management in the construction industry



